

KUALA LUMPUR, 3 SEPT (BERNAMA) — MALAYSIA TELAH MENJADI NEGARA KELAPAN TERBESAR SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEJAK TERCATITNYA DASAR EKONOMI BARU DEMIKIAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN PESURUHJAYA PERDAGANGAN MALAYSIA YANG KEDUA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TELAH BERUSAHA SEDAYA UPAYA MEMPERLUASKAN BIDANG PERINDUSTRIAN SEJAK TAHUN 1960 DAN SEKTOR TERSEBUT DIJANGKA MERUPAKAN SETIDAK-TIDAKNYA 33 PERATUS DARI SEMUA PENGELUARAN KASARA NEGARA MENJELANG TAHUN 1990.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENAMBAH, PRESTASI EKSPORT BARANG-BARANG KILANG NEGARA SEKARANG INI AMATLAH MENGGALAKKAN.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGGATKAN, +KITA TIDAK SEHARUSNYA BERPUASHATI DENGAN KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI SETAKAT INI. KITA HARUSLAH LEBIH BERGIAT LAGI UNTUK MEMPERKEMBANG DAN MEMPERBAHYAKKAN BIDANG PERINDUSTRIAN DI NEGARA INI.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYERU PARA PESURUHJAYA PERDAGANGAN MALAYSIA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM USAHA MENDAPATKAN PASARAN LUAR BAGI BARANGAN BUATAN KILANG NEGARA INI.

INI ADALAH KERANA NEGARA INI SUDAH SAMPAI KE PERINGKAT BARANG-BARANG BUATAN KILANGNYA TIDAK LAGI DAPAT DISERAP OLEH PASARAN TEMPATAN.

BARANG-BARANG TERSEBUT PERLU DIEKSPORT UNTUK MENINGGIKAN LAGI TARAF EKONOMI NEGARA, TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA PERHARAP PARA PESURUHJAYA PERDAGANGAN MALAYSIA MEMUAT SIASATAN MENDALAM TENTANG SEMUA JENIS BARANG YANG DIIMPORT OLEH NEGARA-NEGARA DI MANA MEREKA DITAUHIAHKAN SUPAYA KEMUNGKINAN MALAYSIA MENJADI PEMBEKAL BARANG-BARANG BUATAN TERSEBUT DAPAT DIKAJI OLEH PENGUSAHA TEMPATAN DAN JUGA PENGUSAHA LUAR YANG MEMPUNYAI TEKNOLOGI DAN KECEKAPAN DAN INGIN MELABUR DI NEGARA INI.

KATANYA, PESURUHJAYA-PESURUHJAYA PERDAGANGAN HENDAKLAH LEBIH AGRESIF DALAM MENINGKATKAN LAGI EKSPORT BARANG BUATAN MALAYSIA. MEREKA HARUS TAHU SEPENUHNYA JENIS BARANGAN YANG SEDANG DIKELUARKAN DAN YANG AKAN DITINGKATKAN PENGELUARANNYA DI MALAYSIA SUPAYA PASARAN LUAR NEGERI TERSEDIA APABILA NEGARA INI INGIN MEMASUKINYA.

— BERSAMBUNG 1525/YF

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR ۹'۹'۹'

48

KATANYA, +SAYA LIHAT MAKLUMAT DARI SUMBER KITA SENDIRI TENTANG BARANG-BARANG YANG DIPERLUKAN OLEH NEGARA-NEGARA LAIN TIDAK BEGITU PENUH DAN BIASANYA KITA TERPAKSA MENUNGGU MAKLUMAT DARI PELABUR ASING TENTANG PRESTASI PASARAN BARANG-BARANG INI.

+DENGAN INI KITA TERLALU BERGANTUNG KEPADA PELABUR ASING UNTU PERKEMBANGAN PERUSAHAAN YANG EKSPORT-ORIENTED DI NEGARA INI.

+SEBALIKNYA KITA TAHU NEGARA-NEGARA PERUSAHAAN YANG MAJU MENGELUARKAN BARANG BUATAN TANPA MEMPUNYAI BAHAN MENTAH SENDIRI SEMATA-MATA KERANA MEREKA TAHU PASARAN DUNIA DENGAN MENDALAM, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DALAM USAHA MENINGKATKAN LAGI PENJUALAN BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI, ADALAH PENTING BAKAL-BAKAL PENGIMPORT DI NEGARA ASING MENGETAHUI DENGAN JELAS JENIS DAN KUALITI BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA ITU.

INI DAPAT DITENTUKAN MELALUI BERBAGAI JENIS KEGIATAN PROMOTIONAL YANG BOLEH DIUSAHAKAN OLEH PESURUHJAYA-PESURUHJAYA PERDAGANGAN MALAYSIA.

KATANYA, SATU CARA YANG BERKESAN IALAH DENGAN MENGADAKAN PAMERAN SECARA TETAP BARANGO

BARANG BUATAN MALAYSIA ITU.

DENGAN INI BAKAL PENGIMPORT DAPAT MELIHAT SENDIRI JENIS DAN MUTU BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA ITU. — BERSAMBUNG 1538/YF

#### MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR ~~sewa~~

BAGAIMANAPUN BELIAU KESAL, KADANG KALA PAMERAN SEPERTI ITU TIDAK DIAWASI OLEH PESURUHJAYA PERDAGANGAN NEGARA INI DENGAN BAIK. KATANYA, +SAYA BIASA LIHAT BARANG-BARANG YANG DIPAMERKAN DI JABATAN PESURUHJAYA PERDAGANGAN KITA ADALAH USANG DAN LAPUK, TIDAK PERNAH DIGANTI DAN LABEL-LABEL DI TIN-TIN TELAH KELABU DAN TIDAK DAPAT DIBACA LAGI.+

KEADAAN BAHAN-BAHAN PAMERAN SEPERTI ITU BUKAN SAJA TIDAK AKAN BERKESAN MENARIK PENGIMPORT TETAPI AKAN MEMATIKAN SAMA SEKALI MINAT MEREKA, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP SEMUA PESURUHJAYA PERDAGANGAN AKAN MENGAWASI PERKARA-PERKARA TERSEBUT DAN MEMBENTUK SATU SISTEM UNTUK MENENTUKAN PAMERAN TERSEBUT MENCAPAI MAKSUD IANYA DIADAKAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENGUMUMKAN SATU PUSAT KEKAL UNTUK PAMERAN BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA DAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT SERTA HUBUNGAN TENTANGNYA AKAN DIADAKAN DI SINI.

PUSAT ITU AKAN MEMBOLEHKAN PELAWAT-PELAWAT DARI LUAR NEGERI YANG BERMINAT MENGIMPORT BARANG-BARANG BUATAN NEGARA INI MELIHAT SENDIRI BARANG-BARANG TERSEBUT. — BERSAMBUNG 1603/LK

B556:

#### MAHATHIT 5 KUALA LUMPUR ~~sewa~~

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA TIDAK HANYA BERGANTUNG KEPADA PASARAN DI NEGARA-NEGARA MAJU SAHAJA, TETAPI IA HARUS MENCARI PASARAN LAIN TERUTAMA SEKALI DI NEGARA-NEGARA ASIA BARAT DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAINNYA.

YANG DEMIKIAN, TAMBAHNYA, DISAMPING PIHAK KERAJAAN, PIHAK PENGEKSORT SENDIRI HENDAKLAH MENJALANKAN KAJIAN MENDALAM BAGI MENDAPATKAN PASARAN BARU.

KERAJAAN KATANYA, TELAH DAN SEDANG MEMBANTU PIHAK SWASTA BAGI MEMPERKEMBANGKAN PENGEKSORTAN MEREKA DENGAN MENYEDIAKAN RANCANGAN SEPERTI MENGHANTAR ROMBONGAN PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI DAN MENYELARAS PENYERTAAN PIHAK SWASTA DI PAMERAN PERDAGANGAN DI SEBERANG LAUT.

PERSIDANGAN SELAMA DUA MINGGU ITU DIHADIRI OLEH SERAMAI 24 ORANG PESURUHJAYA PERDAGANGAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI. — BERNAMA 1606/LK